



[Home](#) / [2025](#) / [November](#) /

Kerjasama UiTM dan Sekolah Rendah Jayakan Program MINI STEM 3.0 di Pulau Pinang

## SINERGI

15/11/2025 / FARRAH NOOR AHMAD



**Permatang Pauh, 30 September 2025** – Program **MINI STEM 3.0** telah berlangsung dengan penuh jayanya di Sekolah Kebangsaan (SK) Permatang To' Kandu, Pulau Pinang pada 30 September 2025. Program ini merupakan hasil kerjasama strategik antara **Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang** dan **Sekolah Kebangsaan Permatang To' Kandu**, dengan sokongan daripada **Penang Science Cluster, Kolej Komuniti Seberang Jaya** serta **Boiler & Safety Engineering Club (BoSEC)**.

Program ini berjaya menarik penyertaan seramai **250 pelajar dari SK Permatang To' Kandu** dan **50 pelajar dari sekolah sekitar Pulau Pinang** termasuk SK Pauh Jaya, SK Permatang Pauh, SK Juru,

SK Batu Kawan, SK Lahar Yooi, SK Batu Lachang dan SK Sungai Batu. Pelbagai aktiviti interaktif telah dijalankan sepanjang program, antaranya pembentangan mengenai konsep STEM dan prinsip motor elektrik, pengukiran laser pada bahan kayu dan logam, demonstrasi teknologi pencetak 3D dan pen 3D, aktiviti roket air, pertandingan robot sumo serta ujian ketumpatan bahan. Aktiviti-aktiviti ini dirancang bagi memberikan pengalaman pembelajaran secara langsung, mengasah kemahiran berfikir aras tinggi serta menggalakkan penerokaan terhadap dunia sains dan teknologi.



Menurut **Guru Besar SK Permatang To' Kandu, Puan Salizawati Omar**, pendekatan berasaskan aktiviti praktikal ini membantu pelajar memahami konsep STEM dengan lebih mendalam dan berkesan. Sementara itu, **Ketua Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanikal UiTM Cawangan Pulau Pinang, Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Sh Mohd Firdaus Sh Abdul Nasir** menegaskan bahawa penganjuran seperti ini bukan sahaja memenuhi tanggungjawab sosial universiti, tetapi turut memperkukuh hubungan strategik antara institusi pendidikan tinggi dan komuniti setempat dalam melahirkan generasi celik teknologi.

Program MINI STEM 3.0 mencerminkan komitmen berterusan UiTM dalam memperkukuh jaringan kerjasama komuniti serta memupuk minat generasi muda terhadap bidang teknikal yang menjadi pemacu pembangunan negara. Diharapkan inisiatif ini menjadi pemangkin kepada usaha memperkasa pendidikan STEM di peringkat sekolah rendah.



Tags: [Boiler & Safety Engineering Club \(BoSEC\)](#), [Fakulti Kejuruteraan Mekanikal \(FKM\)](#), [Kolej Komuniti Seberang Jaya](#), [Sekolah Kebangsaan Permatang To' Kandu](#), [UiTM Cawangan Pulau Pinang](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

Program “Bridging STEM and Innovation” Semarakkan Minat Pelajar Terhadap Teknologi

Program Khidmat Masyarakat UiTM Perak Semarakkan Semangat Pendidikan di Sekolah Orang Asli

## QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)  
[Academic Calendar](#)  
[Intake Calendar](#)  
[Graduate Quick Search](#)  
[Library](#)  
[UiTM Holdings](#)  
[WiFi UiTM](#)  
[E-Complaint](#)

## HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor  
Darul Ehsan  
Malaysia  
  
Tel: +603-5544 2051 / 2000

